



### **Kes buli - empat guru ditukarkan serta merta?**

Kalau dulu SMA Al-Maidah Addimiah, Padang tengku, Kuala Lipis, Pahang tidak terkenal dan ada yang langsung tidak tahu dimana letaknya tetapi apabila kemunculan isu 'buli' timbul dan melibatkan campurtangan Istana Pahang, ia menjadi isu nasional dan semua orang tahu.

Isu 'buli' telah lama dibangkitkan dan akan kerap berlaku sekiranya kelemahan masih lagi timbul di sekolah-sekolah seperti guru-guru melepas tangan tanggungjawabnya kepada murid, pihak ibu-bapa juga melepaskan tanggungjawab kepada guru-guru, masyarakat yang tidak perihatin kepada masalah dan persekitaran sekolah dan pihak Pendidikan yang langsung tidak mengambil tahu soal pentadbiran di sekolah-sekolah.

Dalam soal ini, siapakah yang hendak dipersalahkan? Apa yang menjadi mangsa ialah murid-murid sekolah dan guru-guru. Yang jelas dapat dilihat apabila berlakunya masalah 'buli' disekolah, mereka memerlukan seseorang yang akan memikul dan menerima kelemahan-kemelahan ini atau 'black sheep' dimana kemelahan ini dicetuskan. Yang pasti 'black sheep' itu bukanlah Menteri pendidikan tetapi guru-guru yang bilangannya kecil terpaksa memantau jumlah murin yang begitu besar. Inilah hakikat yang berlaku sekarang.

Apabila berlakunya 'isu buli' di sekolah SMA Al-Maidah Addimiah ini, kelemahan itu dibebankan kepada 4 orang guru yang terpaksa diarahkan bertukar serta mereta mulai 1/8/2005. Yang lebih menyayat hati ialah Pengetuanya Pn. Siti Salamah Salim yang ditukarkan serta mereta dari Kuala Lipis ke Pekan dimana beliau akan menjalankan persaraan mulai Mac 2005.

Dalam persoalan ini, apakah dengan pertukaran tersebut 'isu buli' dapat diselesaikan? Apakah dengan pertukaran tersebut, kita telah melakukan satu diskriminasi kepada penjawat awam yang terpaksa menerima kesulitan-kesulitan yang diakibatkan oleh perpindahan itu seperti persekolahan anak-anak dan sebagainya. Atau kita juga telah mengabaikan sikap perikemanusiaan terhadap Pengetua Pn. Siti Salamah Salim yang bakal bersara mulai Mac 2005 ini?

Persoalannya, apakah tanggongjawab ini hanya dipikul oleh hanya 4 orang guru-guru tersebut sahaja dan bagaimanakah tanggongjawab yang dipikul oleh Kementerian pendidikan. Sekiranya pihak Kementerian Pendidikan perihatin dan naziran dilakukan secara berkala, pastinya setiap masalah dapat dikesan lebih awal. Jangan ibaratkan lawatan naziran kementerian pendidikan diibaratkan sebagai melancong sahaja